

26 JUL 2000

DR MAHATHIR DI SABAH UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KOTA KINABALU, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk lawatan tiga hari.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada 5.05 petang disambut oleh Ketua Menteri Datuk Osu Sukam serta anggota kabinet negeri.

Malam ini, Dr Mahathir dijadual merasmikan Hotel Sutera Harbour Resort & Spa.

Esok Perdana Menteri akan merasmikan Persidangan Antarabangsa Sejarawan Mengenai Asia ke-16 dan kemudiannya akan merasmikan Kongres Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO).

Tengah hari esok, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno akan mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri sebelum melancarkan acara perlumbaan ekspedisi "Eco-Challenge 2000 Sabah" manakala pada malamnya, beliau akan menghadiri majlis makan malam bersama rakyat.

-- BERNAMA

hak mai